

**SOALAN NO: 27**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT PERTAMA. PENGGAL KEEMPAT.  
PARLIMEN KETIGA BELAS.  
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN  
KITINGAN

TARIKH: 15 MAC 2016

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan penjelasan makna pekerjaan 3D yang disebut dalam kenyataan surat khabar sebagai (*dirty, difficult and dangerous* ) dengan lebih terperinci yang boleh menunjukkan sektor - sektor bidang pekerjaan yang sebenar untuk membantu graduan - graduan yang masih menganggur.

PR-1341-L73502

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, sehingga kini tiada definisi khusus untuk menakrifkan pekerjaan *Dirty, Difficult, Dangerous* (3D). Konsep 3D ini diperkenalkan oleh negara Amerika di mana terma ini berasal dari konsep di Asia yang merujuk kepada pekerjaan kolar biru. Konsep asalnya adalah dari Jepun iaitu Kitanai, Kiken, Kitsui (3K) bermaksud *Dirty, Dangerous, Demanding* merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan oleh buruh di negara tersebut.

2. *International Labour Organization* (ILO) mengklasifikasikan pekerjaan 3D di bawah program keselamatan kerja di mana keutamaan diberikan kepada jenis pekerjaan dan sektor yang paling berbahaya. Berdasarkan ILO juga, terdapat 71 jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan 3D yang meliputi pelbagai sektor. Perlu diambil perhatian bahawa pekerjaan 3D di bawah ILO adalah merangkumi pekerjaan mahir separa mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah. Antara contoh pekerjaan 3D adalah Akupuntur, Jurutera, Jururawat, Pemandang, Pekerja Binaan, Pemandu, Pencuci, Pengimpal, Penyelam dan Pekerja Ladang. Berdasarkan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia, jenis-jenis pekerjaan tersebut terangkum di bawah kategori 2 iaitu Profesional sehingga kepada kategori 9 iaitu Pekerjaan Asas.

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) telah menjalankan kajian awal berhubung keperluan Penggajian Pekerja Asing Bagi Tempoh 2016 hingga 2020. Hasil kajian tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mac 2016. Kajian ini adalah susulan daripada arahan Jemaah Menteri supaya satu kajian yang komprehensif dijalankan terhadap sektor yang menggajikan pekerja asing di negara ini.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat

4. Penggajian pekerja asing hanya diluluskan untuk lima (5) sektor formal iaitu sektor Pembinaan, Pertanian, Perladangan, Perkilangan dan Perkhidmatan (subsektor tukang masak restoran, pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa, refleksologi, kedi (lelaki) dan pembantu taman tema) yang melibatkan jawatan pekerja am dan satu (1) sektor informal iaitu Pembantu Rumah Asing (PRA).

5. Dalam sektor perhotelan, pekerja asing hanya dibenarkan untuk bekerja sebagai pengemas bilik sahaja. Mereka tidak dibenarkan bekerja di bahagian-bahagian lain terutamanya di barisan hadapan (*front liner*). Bagi sub-sektor kawalan keselamatan, dasar semasa kerajaan membenarkan pengambilan pekerja asing dalam sub-sektor tersebut dan menghadkan kepada pekerja asing dari negara Nepal sahaja.

6. Mana-mana majikan yang menggajikan pekerja asing dalam sektor atau sub-sektor yang tidak dibenarkan sebenarnya telah melakukan kesalahan di bawah Akta Imigresen.

3. Pekerja asing juga tidak dibenarkan sama sekali untuk bekerja sendiri ataupun berniaga. Mana-mana pekerja asing yang menjalankan apa-apa kegiatan perniagaan sebenarnya telah melanggar syarat-syarat permit kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

4. Pengambilan pekerja asing adalah merupakan langkah sementara untuk mengisi kekosongan dan permintaan industri yang begitu mendesak keperluannya bagi memastikan pembangunan ekonomi negara tidak terjejas dan kekal berdaya saing dalam keadaan ekonomi dunia semasa. Enam (6) sektor yang dibenarkan adalah sektor yang berintensifkan buruh dan pekerjaan yang berkemahiran rendah. Justeru, tidak timbul isu persaingan antara pekerja asing dan graduan dalam mengisi kekosongan sesuatu jawatan dalam sektor-sektor tersebut.

**SOALAN ( 28 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH

15 MAC 2016 [SELASA]

DARIPADA

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
[BAGAN]

**SOALAN**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah kelulusan tanah yang ditambah untuk projek pembangunan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (NPPC).  
Berikan pecahan mengikut negeri dan projek yang dijalankan secara terperinci termasuk kosnya.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Subseksyen 2A(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] memperuntukkan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) adalah berfungsi untuk menggalakkan di dalam negara, dalam rangka dasar negara, perancangan bandar dan desa sebagai suatu alat yang berkesan dan efisien bagi memperelok persekitaran dari segi fizikal dan ke arah pencapaian suatu pemajuan yang mampan di dalam negara. Selain itu, **MPFN juga berfungsi untuk menasihati Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, mengenai perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa.**

Berdasarkan Rancangan Fizikal Negara Kedua (RFN Ke-2) menyatakan dalam Dasar 24: Ekosistem Pantai dan Marin yang Sensitif Perlu Dilindungi dan Digunakan Secara Mampan telah menggariskan salah satu langkah seperti berikut:

*“Penambakan persisiran pantai **tidak digalakkan kecuali untuk pembangunan pelabuhan strategik berkepentingan negara.***

*Penambakan persisiran pantai **tidak dibenarkan di dalam atau bersempadan dengan ekosistem yang sensitif seperti taman laut, hutan paya bakau, tanah lumpur, terumbu karang, padang rumput laut, kawasan pendaratan penyu dan pantai pelancongan utama. Semua cadangan yang melibatkan persisiran pantai perlu dirujuk ke Majlis Perancang Fizikal Negara***”.

Terdapat beberapa negeri telah merujuk pelbagai pembangunan di kawasan pesisir pantai kepada MPFN yang dianggotai oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri dan juga Agensi-Agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan bagi mendapatkan nasihat dan pandangan demi kelestarian alam sekitar dan kepentingan rakyat secara keseluruhannya. Jesteru, sekiranya Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai sebarang rancangan untuk melaksanakan projek di kawasan persisiran pantai dan kerja penambakan laut, seharusnya cadangan tersebut dirujuk terlebih dahulu kepada MPFN bagi memastikan ekosistem negara dan kepentingan umum dapat dipelihara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2016